

29/10/2000

Asia perlu yakini cara sendiri

Azizi Othman in Hong Kong

HONG KONG: Rantau Asia yang memulakan alaf baru ini dengan bebanan pelbagai permasalahan, harus berpegang teguh dan berbangga dengan nilai, budaya serta cara mereka sendiri jika mahu kembali setanding dengan negara lain di dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata dalam memartabatkan semula rantau Asia, masyarakatnya harus yakin mereka sebenarnya mempunyai kemampuan yang sama dengan rantau yang lebih maju.

Menurutnya, jika negara Asia kembali percaya kepada diri, nilai dan cara mereka melakukan sesuatu sebelum ini, ia akan "berjaya menikmati kejayaan pembangunan ekonomi seperti yang diraih ketika sebelum era kegawatan ekonomi Asia di akhir dekad lalu."

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, sebarang idea, kononnya Asia akan mendominasi percaturan dunia pada abad ke-21 ini harus diketepikan kerana ia tidak wajar dan akan hanya mencetuskan kebimbangan Barat terutama di kedua-dua sempadan Atlantik.

Pada masa yang sama, "tiada negara Asia yang patut melabuhkan idea untuk mendominasi Asia," katanya ketika berucap pada majlis jamuan Forum Gala Asia Society di Pusat Pameran dan Konvensyen Hong Kong (HKCEC) di sini, malam tadi.

Majlis makan malam formal itu dihadiri tokoh korporat, kewangan dan ekonomi terkemuka dari seluruh Asia Pasifik. Turut sama, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Duta Malaysia ke China, Datuk Abul Majid Ahmad Khan.

Asia Society ialah institusi terkemuka berpangkalan di New York, Amerika Syarikat yang bermatlamat memupuk kefahaman dan perhubungan lebih erat di kalangan masyarakat negara itu dengan warga Asia dan Pasifik.

Diasaskan oleh John D Rockefeller III pada 1956, Asia Society yang beroperasi sebagai entiti bukan keuntungan, menjadi forum interaksi bagi lebih 30 negara di Asia dan Pasifik termasuk Jepun, Iran, negara Asia Tengah, Australia dan Kepulauan Pasifik.

Dalam ucapannya yang bertajuk 'Agenda Untuk Asia Baru' itu, Dr Mahathir berkata, Asia juga perlu berani menangkis pelbagai cubaan dari Barat untuk memaksa ideologi mereka diterima pakai di seluruh rantau ini.

"Tiada sebab kita harus percaya dengan apa yang dipropagandakan Barat hari ini - demokrasi liberal, dunia tanpa sempadan, pasaran terbuka dan sebagainya - akan membawa manfaat besar dalam jangka panjang," katanya.

Malah, Dr Mahathir berpendapat nilai Asia yang terbukti berkesan dalam membina peradaban rantau ini harus dipertahankan kerana "akan tiba harinya Barat sendiri menolak nilai dan ideologi yang mereka anuti hari ini kerana pelbagai masalah yang tercetus daripadanya".

"Kita bukan saja tidak harus terus dibelenggu dengan nilai dan sistem Barat yang mereka sendiri akan tolak, malah kita tidak sepatutnya mengikut cara mereka dengan membuta-tuli tanpa mereka sendiri mengujinya terlebih dulu kepada diri mereka sendiri," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, beberapa negara rantau ini seperti di Asia Tenggara pula sebenarnya boleh pulih lebih pantas jika ia tidak perlu mendapatkan 'kelulusan' dari Barat dalam urusan ekonomi dan politiknya.

Menurut beliau, negara di tenggara dan timur laut Asia sebenarnya mempunyai terlalu banyak persamaan untuk menggembelng tenaga dan berusaha bersama.

Sebagai contoh, Dr Mahathir menyebut, ia boleh menjadi satu kumpulan ekonomi dan yang mempunyai mekanisme tertentu seperti Tabung Mata Wang Asia Timur (EAMF) yang boleh ditubuhkan bagi mengatasi pelbagai kemungkinan pada masa depan.

"Tetapi yang penting, mereka tidak harus cuba menerima ideologi politik tertentu semata-mata untuk memuaskan hati Barat kerana yang lebih utama ialah pembangunan ekonomi mereka sendiri," kata Perdana Menteri.

Selain itu, Dr Mahathir mencadangkan negara Asia yang lebih maju melabur di negara jiran yang kurang membangun. Persatuan Pembangunan Asia boleh ditubuhkan untuk "membolehkan semua negara di Asia berinteraksi, berbincang masalah bersama dan bekerjasama di mana perlu."

Menurut Perdana Menteri, untuk Asia bersatu seperti Eropah akan mengambil masa yang terlalu lama, tetapi kerjasama dalam pelbagai bidang yang mempunyai kepentingan bersama adalah sesuatu yang boleh dilakukan dan membawa kepada hasil yang produktif.

Mengenai masalah yang melanda Asia pada akhir dekad lalu, Dr Mahathir sekali lagi menegaskan tidak wujud konspirasi kerana ia mungkin dilakukan oleh peniaga mata wang yang melihat peluang untuk mengaut keuntungan.

Katanya, bagi mengatasi masalah itulah Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mengambil peranan sebagai satu-satunya badan yang berhak untuk membantu Asia, tetapi dengan cara menyerahkan strategi pembangunan serta ekonomi mereka bulat-bulat kepadanya.

Terdahulu, ketika berucap pada jamuan tengah hari anjuran Persatuan Malaysia Hong Kong sempena meraikan ketibaannya, Perdana Menteri meminta seluruh warga tempatan di luar negara untuk memberikan gambaran sebenar dan mempromosikan tanah air sebagai sebuah negara yang mempunyai iklim politik serta ekonomi mantap.

"Malaysia kini berdepan kempen publisiti buruk oleh media asing. Satu-satunya cara kita menerangkan keadaan sebenar ialah dengan memberitahu rakan dan warga asing mengenai apa yang sebenarnya berlaku," katanya.

Dalam sesi soal jawab di jamuan itu, Perdana Menteri juga menyarankan anak watan yang berjaya dalam kerjaya mereka di luar negara menggembleng usaha ke arah membantu memantapkan lagi perkembangan Malaysia.

"Anda boleh menyalurkan pandangan, maklumat atau bantuan kepada pelbagai pihak di Malaysia yang sentiasa bersedia menerima cadangan positif daripada warga Malaysia yang berkepakaran dalam bidang masing-masing," katanya.

Kepada satu soalan peribadi yang bertanyakan apakah definisi kebahagiaan dalam hidup Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata, beliau mendapat kepuasan melihat pembangunan negara berjalan seperti yang direncanakan oleh pemimpin dan rakyatnya.

"Kebahagiaan bagi saya ialah apabila seseorang itu dapat melihat apa yang dirancangkannya menjadi kenyataan. Bagi saya, itulah kebahagiaan dan kepuasan selain mengahwini isteri saya," katanya yang disambut tepukan gemuruh hadirin.

(END)